

2011

Hobby Auto Cushion & Supplies



Hobby Auto Cushion & Supplies

3/3/2011

PROGRAM FRANCHAIS PAKEJ C RM88, 000

1. Jumlah Kos Franchais RM88,000

- i. Yuran Franchais RM35,000.
- ii. Deposit atas stok RM35,000.
- iii. Deposit Kedai dan Sistem POS RM10, 000.
- iv. Kelengkapan dan Peralatan RM8, 000.

Bayaran royalti kepada Franchaisor sebanyak 4% atas jualan kasar setiap bulan.

2. Barangan

1. Racing Seat
2. Sport Seat
3. Tempahan Kusyen Kereta
4. Pembalut Kereta PVC sehingga Kulit pelbagai jenama
5. Hiasan Dalaman Kereta
6. Aksesori Kereta
7. Khidmat Pembersihan Dalaman Kereta

Kekuatan Hobby adalah kepakaran dalam kemas dalam terutamanya kusyen kereta dari balutan sehinggalah pengubahsuaian. Kusyen 'Sport' dan 'Racing' yang dijual oleh kedai Hobby dikilangkan sendiri dengan pengalaman perniagaan lebih dari 15 tahun. Hobby lebih memahami kusyen kereta dan kemas dalam kereta.

3. Syarat-syarat perlantikan franchaisi

- i. Umur tidak melebihi 45 tahun semasa permohonan.
- ii. Mempunyai latar belakang kewangan yang baik dan tidak disenaraihitamkan oleh mana-mana institusi kewangan .
- iii. Mempunyai kekuatan dari segi kewangan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah Kos Franchais RM88, 000.

4. Pembiayaan

- i. 20% disediakan oleh bakal pemegang franchais sendiri.
- ii. 80% disediakan oleh PNS kepada pemegang franchaisi yang layak.

5. Pembahagian Keuntungan

Melalui pakej ini, pembahagian keuntungan daripada perniagaan yang diusahakan oleh pemegang franchaisi akan dibahagikan mengikut nisbah 50:50 daripada untung kasar di mana kedua belah pihak akan menanggung beberapa kos operasi perniagaan seperti yang dinyatakan dibawah.

6. Tempoh pelaksanaan perniagaan pemegang franchaisi.

Secara amnya tempoh masa yang akan diambil oleh bakal pemegang franchaisi untuk menjalankan perniagaan di lokasinya sendiri adalah minima 4 bulan dan maksimumnya adalah 6 bulan. Program latihan yang telah disediakan kepada bakal pemegang franchaisi adalah seperti berikut;

- i. 1 bulan pertama – Latihan instensif untuk membina kemahiran barangan dan pemasangan di pusat latihan Hobby Auto Cushion and Supply Sdn Bhd di Sg. Buloh. Tujuannya adalah bagi kedua belah pihak memastikann bakal pemegang franchaisi itu adalah calon yang komited dan layak untuk ke peringkat seterusnya.

- ii. 3 bulan berikutnya, bakal pemegang franchais akan duji untuk menguruskan sendiri kedai atau cawangan Hobby. Konsep pembahagian untung kasar mengikut nisbah yang telah dinyatakan dan perkongsian tanggungan kos akan dipraktikan. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan mengenai keadaan sebenar perniagaan sebelum pemegang franchaisi menjalankan perniagaan di lokasi sebenar.

7. Pemilihan tempat Pemegang Franchaisi

- i. Bakal pemegang franchaisi boleh memilih samada untuk mengambil alih kedai Hobby yang sedia ada dengan syarat Hobby bersetuju dengan pilihan tersebut.
- ii. Pemilihan lokasi baru, lokasi baru hendaklah dimaklumkan semasa permohonan dibuat.
- iii. Franchaisor, Hobby Auto Cushion and Supplies akan membuat kajian pasaran terlebih dahulu sebelum menerima cadangan lokasi tersebut. Sekiranya lokasi tersebut tidak sesuai, pemegang franchaisi dikehendaki memajukan pilihan lokasi yang baru.

- iv. Urusan penyewaan kedai dan kerja-kerja pengubahsuaian adalah di bawah tanggungjawab franchaisor.

8. Kursus pengendalian perniagaan

- i. Kursus pengendalian perniagaan franchais terbahagi kepada dua;
 - a. **Kursus @ latihan kemahiran produk dan kerja-kerja pemasangan.** Semasa latihan intensif bulan pertama, pemegang franchaisi akan dibayar elaun RM500. Makan dan tempat tinggal tidak disediakan.

Bagi tempoh percubaan tiga bulan (3), pemegang franchaisi akan mendapat pendapatan mengikut kaedah perkongsian keuntungan dan menanggung kos mengikut pecahan tanggungjawab.

- b. **Kursus Asas Pengurusan Perniagaan,** akan dibuat dari masa ke semasa sebelum pemegang franchaisi mengambil alih kedai atau menjalankan perniagaan di lokasi yang dipilih. Bagi kursus ini pemegang franchaisi akan dikenakan bayaran, RM3, 000.

Melalui latihan ini, pemegang franchaisi akan dilatih sehingga peringkat penyediaan Rancangan Perniagaan yang boleh digunakan untuk membuat pinjaman pembiayaan franchais sehingga 80% daripada kos franchais.

9. Pendapatan Pemegang Franchaisi

- i. Perkongsian keuntungan dengan nisbah 50:50.
- ii. Insentif pencapaian jualan sebanyak 2% untuk pencapaian minima RM40,000 sebulan. Pencapaian ini tidak boleh dikumpul atau dibawa ke bulan hadapan.
- iii. 1% insentif daripada jualan kasar untuk pematuhan kepada peraturan dan syarat kerja yang telah ditetapkan oleh Franchaisor pada setiap bulan.

10. Pembahagian Tanggungjawab kepada kos operasi;

i. Franchaisor

- a. Sewa kedai bulanan
- b. Bil elektrik
- c. Alat tulis dan percetakan
- d. Sewa penggunaan sistem POS
- e. Penyelenggaraan kedai
- f. Logistik
- g. Promosi dan Pengiklanan peringkat nasional
- h. Kos pengurusan dan audit
- i. Penyelenggaraan sistem BOS dan POS
- j. 2% insentif bulanan daripada jualan kasar bagi pencapaian minima jualan bulanan RM40,000.00
- k. Insentif pematuhan setiap bulan pada kadar 1% daripada jualan kasar bulanan.

Franchisor bertanggungjawab untuk membuat membuat kajian pasaran ke atas tempat yang dicadangkan oleh bakal pemegang franchaisi sebelum tempat yang dicadangkan atau dipilih itu dimuktamadkan.

Franchisor juga bertanggungjawab memastikan bakal pemegang franchaisi mendapat latihan secukupnya mengenai barangan yang bakal dijual dan pendedahan pengurusan operasi perniagaan sebelum pemegang franchaisi menguruskan sendiri kedai yang sedia ada atau lokasi yang telah dipilih.

ii. Pemegang Franchaisi

- a. Gaji kakitangan
- b. EPF & Socso
- c. Komisen Jualan Bulanan
- d. Kos talipon dan air kedai bulanan
- e. 4% bayaran royalty dari jualan kasar bulanan

11. Bayaran Kos Franchais

- i. RM5, 000 – Semasa menandatangani perjanjian franchaisi. (Akan dipulangkan sekiranya pemohon didapati tidak layak untuk meneruskan program ini setolak ditolak elaun latihan kemahiran)
- ii. RM10, 000 – Selepas kursus intensif sebulan dan selepas didapati layak memegang franchaisi.
- iii. Baki RM73, 000 mestilah dibayar sebelum tamat latihan percubaan pengurusan kedai Hobby.

12. Perlantikan franchaisi

- i. Pemohon hendaklah memajukan senarai lokasi pilihan untuk disemak oleh Hobby semasa permohonan.
- ii. Setelah permohonan diluluskan oleh Hobby dan lokasi pilihan dipersetujui, perjanjian franchaisi akan ditandatangani dan sebelum itu wang kesungguhan RM5, 000 mestilah dibayar oleh bakal pemegang franchaisi.
- iii. Selepas perjanjian ditandatangani dan wang kesungguhan telah diterima oleh Hobby, pemegang franchaisi akan menjalani latihan intensif selama sebulan di Pusat Latihan Pusat Hobby di Sungai Buloh. Semasa latihan pelatih atau pemegang franchaisi akan dibayar sebanyak RM500 dan bilangan maksima untuk seorang pemegang franchaisi dihadkan kepada dua orang sahaja.
- iv. Selepas tamat latihan intensif, sekiranya pemegang franchaisi didapati layak meneruskan program ini, pemegang franchaisi akan menjalani percubaan mengambil alih kedai Hobby. Sebelum percubaan ini dilaksanakan, pemegang franchaisi mesti terlebih dahulu membayar RM10, 000 sebagai tambahan yuran franchaisi dan sebagai menunjukkan kesungguhan.
- v. Sekiranya gagal atau didapati tidak layak, wang kesungguhan akan dipulangkan setelah ditolak elaun latihan.
- vi. Semasa percubaan ini konsep pembahagian keuntungan dan tanggungan akan dilaksanakan. Latihan ini mengambil masa 3 bulan. Elaun latihan, elaun makan dan tempat tinggal tidak akan disediakan.

- vii. Pemegang franchaisi juga dihendaki membuat pembayaran penuh kos Franchaisi sebelum tamat latihan 3 bulan tersebut.

- viii. Selepas tamat latihan percubaan, dan setelah jumlah kos dibayar, pemegang franchaisi akan mengambil alih kedai sebenar atau memulakan perniagaan di lokasi baru. Sekiranya gagal atau didapati tidak layak yuran franchaisi RM35, 000 tidak akan dikembalikan.

Proses tamat.

Disediakan oleh;

MD ZAKI MUHAMAD HASAN

**FRANCHISE AND BUSINESS DEVELOPMENT
HOBBY AUTO AND CUSHION SUPPLIES**